



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A 2016/06/62 (HQ)

### TIP PENGGUNAAN ELEKTRIK SEBELUM BALIK KAMPUNG

Bagi mereka yang akan pulang ke kampung halaman untuk sambutan Aidilfitri, Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyarankan beberapa tip penggunaan elektrik yang mudah diamalkan.

Pengurus Besar Kanan (Hal Ehwal Korporat dan Komunikasi) TNB, Datuk Ir. Mohd Aminuddin Mohd Amin berkata sesetengah tip berkenaan bersifat bijak tenaga, praktikal serta boleh dijadikan amalan rutin.

"Pertama, pastikan suis peralatan elektrik tidak digunakan ditutup dan palamnya ditanggalkan bagi mengelakkan arus elektrik terus mengalir.

"Kedua, sekiranya perlu menyalaikan lampu rumah bagi mengelakkan kecurian, sila pertimbangkan penggunaan alat pengukur masa (*timer*) supaya lampu tidak dipasang 24 jam sehari.

"Ketiga, pastikan semua soket dalam keadaan baik dan tidak dibebankan dengan penyesuai (*adapter*) berlebihan.

"Keempat, pastikan peralatan elektrik yang perlu dipasang, dalam keadaan baik dan motor di dalam peralatan elektrik bermotor, bergerak lancar.

"Kelima, buka gulungan wayar sambungan tambahan (*extension wire*) sepenuhnya untuk mengelakkannya daripada menjadi terlalu panas jika digunakan," katanya.

Ir. Mohd Aminuddin juga menasihatkan pengguna supaya menguji Pemutus Litar Arus Baki (PLAB) atau *Residual Current Circuit Breaker (RCCB)*, satu amalan yang sebaik-baiknya dilakukan sebulan sekali. Sila rujuk laman web [www.tnb.com.my](http://www.tnb.com.my) atau Facebook TNB Careline untuk mengetahui cara-cara menguji PLAB.

Beliau turut menasihatkan pengguna untuk menghubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan TNB di talian 15454 atau Facebook TNB Careline untuk mendapatkan bantuan sekiranya gangguan bekalan elektrik berlaku.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 30 Jun 2016**

*Untuk Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /  
Puti Mazlina Mashudi (013-3642727) / Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) /  
Mohd Syafiq Khairul Salleh (013-3432346)  
[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*